SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci status pembinaan dan perancangan pembangunan terkini serta kos pembinaan **Hospital Daerah Lawas** yang dijangka bernilai RM228 juta di Lawas. Begitu juga dengan **Hospital Sri Aman** serta **Hospital Petra Jaya**. Senaraikan secara terperinci jumlah perbelanjaan, jangka masa siap, syarikat yang terlibat, jumlah kontrak yang akan ditawarkan, serta peranan mereka dalam projek tersebut dan jenis tender yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Lawas melibatkan Fasa 2A iaitu kerja meroboh bangunan tertentu dan kerja-kerja tanah dengan kos sebanyak RM25,639,200 dan telah disiapkan pada November 2015. Manakala Fasa 2B iaitu kerja-kerja membina bangunan dan kerja-kerja berkaitan dianggarkan dengan kos RM200,100,000. Pihak Jabatan Kerja Raya ketika ini telah mengemukakan surat niat kepada pihak kontraktor berkenaan tawaran ini dan sedang menunggu persetujuan dari pihak kontraktor.

Projek pembinaan Hospital Petra Jaya melibatkan kos pembinaan sebanyak RM495,000,000 dilaksanakan oleh Zecon Berhad sebagai kontraktor utama. Peratus kemajuan setakat 25 September 2016 adalah 40.84% dan dijangka siap pada 9 Jun 2017.

Pembinaan Hospital Sri Aman Baru melibatkan kos sebanyak RM 176,275,304.36 dan dilaksanakan oleh Faltech Engineering Sdn. Bhd – JV Welfield Services Sdn. Bhd sebagai kontraktor utama. Peratus kemajuan setakat ini adalah sebanyak 11% dan dijangka siap Oktober 2018.